

HEP Anjur Bengkel Kareografi Tari

Oleh : Nurul Amirah Abdullah

KHAMIS, 25 APRIL - Seramai 116 peserta menyertai Bengkel Koreografi Tari 2013 anjuran Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Majlis perasmian penutupan disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor HEP UMS Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Hj. Md Mansur.

Bengkel selama empat hari dikendalikan oleh penggiat seni tari antaranya Abdul Hamid Chan, Suhaimi Magi, Christopher Liew, Sharip Zainal Sagkif Shek, Tang Sook Kuan, Addley Brommeo dan Jasmit Rasit.

Antara peserta yang mengikuti bengkel koreografi itu termasuklah pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Likas, SMK Tobobon, SMK Kolombong, Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Gaya, SK Darau, SK Tanjung Aru 1 dan beberapa sekolah lain. Ia juga turut disertai oleh Kolej Yayasan Sabah, Masterskill Global, Persatuan Seni Tari Sandakan, Institut Perguruan Gaya (IPG) Kampus Kent, Sekolah Seni Malaysia Sarawak, Perbadanan Labuan, dan Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak.